

THE TITAN

22 MEI 2022 | BIL: 09  
www.richworks.com

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

*Industry View*  
FENOMENA  
INFLASI

TUNIK.MY

DUA BERADIK TEKAD  
BINA EMPAYAR BISNES



Das Abdul  
DAS ABDUL GLOBAL SDN BHD

Mohd Ramzi Mohamad  
BEAT REVOLUTION SDN BHD

# The Gladiator

Nasmaniza Bt Zulkifli  
& Nurussila Bt Zulkifli  
SUGARSISTA SDN BHD

ARE YOU READY  
OR EXPONENTIAL GROW

# RM500 KE RM19 JUTA

**S**iapa sangka hanya bermodalkan RM500, bisnes yang dijalankan mampu berkembang hingga pada 2021 mencapai RM19 juta.

Tiada yang mustahil, dua beradik ini, Yusmaniza dan Nurrussila Zulkifli membuktikan mereka sebagai wanita dan isteri mampu membina bisnes yang berjaya.

Bila adanya bimbingan daripada Mentor, ilmu dan strategi yang dikongsikan bersama teguran dan panduan menjadikan perjalanan ke arah kejayaan itu lebih jelas dan mudah berbanding usahawan yang melakukan sendiri tanpa ada bimbingan.

Tidakkah anda berimpian untuk membina empayar bisnes masing-masing hingga mencapai tahap seperti pengasas jenama Tunik.my ini?

## RM500 MENJADI TITIK TOLAK

Tahukah anda, Yusmaniza dahulunya adalah pegawai di salah sebuah bank yang terkemuka di negara ini manakala Nurrussila pula adalah seorang konsultan untuk sebuah syarikat swasta yang terlibat dalam bidang kejuruteraan.

Bagaimanapun, mereka berdua mengambil langkah berani apabila nekad berhenti kerja, sebelum kedua-duanya bergabung mengasaskan Sugarsista Enterprise, sebuah syarikat menjual kain sulam pada pada 2012.

Bagi Nurrussila, pekerjaannya sebelum ini sebagai konsultan hanya mampu bertahan selama enam bulan sebelum memutuskan untuk pulang ke kampung bagi membantu ibunya berniaga.



“Sewaktu di kampung, saya sering kali melihat abang saya berulang alik ke Guangzhou, China untuk mengambil stok barang-barang untuk dijual. Hal itu menimbulkan minat saya dan saya juga akhirnya mahu menceburi dunia perniagaan,” katanya.

Menceritakan bagaimanakah mereka semasa mula berniaga, Yusmaniza memberitahu bahawa pada masa itu mereka berdua hanya mempunyai RM500 dan wang itulah yang dijadikan sebagai modal pertama untuk membuka perniagaan.

“Dengan duit RM500 itu, kami gunakan untuk membeli 20 pasang kain dan kemudian kami jual kepada kawan-kawan melalui platform media sosial Facebook. Permintaan agak menggalakkan.”

“Kemudian, beberapa tahun selepas itu, kami menukar pula produk kami iaitu dengan menjual pakaian siap jahit atau ready made dengan

jenama tunik.my. Alhamdulillah, sambutan sangat baik dan bisnes kami mula berkembang dan dikenali ramai” katanya.

Yusmaniza menambah, beliau masih ingat bagaimana terpaksa membuat keputusan untuk berhenti kerja sebagai pegawai bank ketika prestasi kerjayanya sedang memuncak.

Wanita berasal dari Taiping, Perak ini menjelaskan tindakan nekad tersebut terpaksa diambil selepas permohonan cuti tiga bulan tanpa gaji untuk menjaga anaknya yang sakit ditolak.

“Saya hanya diberi cuti tanpa gaji sebulan sahaja oleh majikan, sedangkan pihak hospital mencadangkan sekurang-kurangnya tempoh tiga bulan diperlukan untuk menjaga anak saya.”

“Disebabkan itu, saya mengambil keputusan

**SEJAK MENYERTAI PROGRAM ITU, BARULAH KAMI BENAR-BENAR TAHU APAKAH MASALAH YANG MENJADI PUNCA PERNIAGAAN KAMI TIDAK MENINGKAT SEPERTI PERNIAGAAN ORANG-ORANG LAIN. DI PROGRAM ITU JUGALAH AKHIRNYA KAMI ‘MENDAPAT RENTAK’ DALAM MELAKSANAKAN PERNIAGAAN.”**

dengan perasaan berat hati, melepaskan jawatan yang disandang, lebih-lebih lagi apabila memikirkan tanggungjawab seorang ibu terhadap anak ,” katanya lagi.

Ketika sepanjang tempoh dibenarkan bercuti sebulan tanpa gaji, beliau bimbang dengan kesihatan anaknya bahkan resah memikirkan kedudukan kewangannya, lebih-lebih lagi untuk membeli keperluan harian anaknya terutama susu.

Risau dengan sebarang kemungkinan termasuk ketiadaan wang pada masa akan datang, Yusmaniza mula berfikir cara terbaik untuk mencari pendapatan tambahan, bagi menampung perbelanjaan untuk menguruskan anaknya.

“Ada satu ketika apabila anak saya dibenarkan keluar daripada hospital,





doktor mencadangkan agar saya membeli mesin oksigen berharga kira-kira RM6,500. Tapi saya tiada duit pada waktu itu dan terpaksa meminjam pada adik saya.

“Daripada situ saya tersentak kerana walaupun berkerjaya, saya tidak mampu membeli mesin oksigen. Dengan semangat kental, saya mula mengatur langkah perlahan-lahan sehingga saya mencapai kejayaan dan di tahap saya berada sekarang,” jelasnya.

Beliau memberitahu, minatnya terhadap dunia perniagaan dan keinginan untuk menjadi usahawan sebenarnya telah mula tercetus ketika beliau masih berkhidmat sebagai seorang pegawai bank.

“Semasa saya bekerja di bank, saya banyak

kali berhadapan dengan pelanggan yang datang dari pelbagai latar belakang. Semasa menguruskan mereka, saya kagum melihat ada yang mempunyai jumlah simpanan wang yang sangat banyak hasil dari berniaga.”

“Saya juga dapat melihat perkembangan perniagaan mereka secara lebih dekat dan mereka kadang-kala bercerita dengan saya apa yang mereka lakukan sehingga perniagaan mereka bertambah maju dan memberikan pulangan yang lumayan,” ceritanya Yusmaniza.

Dari situlah jelasnya cita-citanya untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya tercetus kerana beliau mahu mengubah nasib keluarganya, apatah lagi bila beliau terkenangkan betapa susahny ayah dan ibunya membesarkan mereka lima beradik.



## 2016 SUGARSISTA SDN BHD DITUBUHKAN

Sugarsista Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2016 namun kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan kerja keras.

Jatuh bangun dan cabaran yang getir pastinya tidak lepas untuk dilalui oleh peniaga yang telah berjaya! Itulah juga yang dilalui oleh Yusmaniza dan Nurrussila dalam perjalanan mereka menjadi antara usahawan yang berjaya di negara ini.

Menceritakah kisah getir mereka dalam perniagaan, mereka memberitahu bahawa pernah satu ketika, perniagaan mereka jatuh teruk dan keuntungan jualan merosot sama sekali.

Perkara itu tidak pernah dialami mereka sebelum itu dan peristiwa tersebut benar-benar memberi

kesan yang mendalam kepada diri mereka.

“Cuba bayangkan, pada masa itu di dalam poket kami hanya ada duit syiling sahaja sebab bisnes jatuh merudum dan syarikat kami mengalami kerugian yang besar. Kami betul-betul down kerana kami sendiri terpaksa mengikat perut kerana tidak ada duit selepas selesai membayar gaji pekerja,” kata Yusmaniza.

Setelah itu, mereka berdua berbincang dan cuba mencari dan mengkaji di manakah silapnya mereka sehingga perniagaan yang pernah maju seketika, tiba-tiba menjadi sebuah perniagaan yang tidak menguntungkan.

“Setelah puas berfikir, akhirnya kami berdua menyedari bahawa terdapat satu perkara yang menjadi kelemahan utama kami. Kami tidak ada ilmu. Dan kami selama ini tidak berusaha melengkapkan diri kami dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan,” ujarnya.



## TRANSFORMASI BERMULA BILA BERTEMU RICHWORKS

Bagi mengatasi kelemahan yang dimiliki, kedua-dua mereka kemudiannya menyertai program RichWorks iaitu program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) pada tahun 2018.

“Sejak menyertai program itu, barulah kami benar-benar tahu apakah masalah yang menjadi punca perniagaan kami tidak meningkat seperti perniagaan orang-orang lain. Di program itu jugalah akhirnya kami ‘mendapat rentak’ dalam melaksanakan perniagaan,” kata beliau.

Mereka kemudiannya menyertai pula program Millionaire Marketing Mastery (MMM) dan hasil mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi, hasil jualan mereka meningkat ke nilai RM800 ribu.

“Tidak cukup dengan MMM, kami join pula

program Mentoring Titan di RichWorks dan setelah itu jualan kami mencecah RM4.1 juta pada tahun 2019 dan pada tahun 2020, ia bernilai RM10 juta walaupun pada tahun tersebut kerajaan melaksanakan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dan tahun lalu mencecah RM19 juta,” jelasnya.

Tambah Yusmaniza, alhamdulillah pada tahun ini bisnes dijalankan mampu mengekalkan jualan RM1 juta sebulan dan pada kempen Raya ini berjaya pula capai RM2 juta.

Mereka sasarkan jualan pada 2022 ini mencecah RM36 juta, insyaAllah.

“Kami nak lahirkan usahawan-usahawan berjaya dalam bisnes ini. Bagi mereka yang nak menyertai keluarga bisnes kami boleh hubungi kami di [www.tunik.my](http://www.tunik.my), Instagram - [tunik.my](https://www.instagram.com/tunik.my), Facebook - [tunik.my](https://www.facebook.com/tunik.my) atau TikTok - [tunik.my](https://www.tiktok.com/@tunik.my).





# PESAN PENGASAS TUNIK.MY

Yang Bulat Tidak Datang Bergolek Yang Pipih Tidak Datang Melayang.

Kejayaan akan datang, lambat atau cepat saja bila kita berusaha dengan strategi dan ilmu yang terbukti ditambah bimbingan mentor yang ada proven results.

**PERTAMA**, jangan cepat mengalah. Sebagai usahawan kena cari jalan macam mana nak selesaikan masalah atau cabaran dihadapi ketika itu.

Bayangkan Tunik.my hanya capai RM100,000 jualan dalam masa 4 tahun. Tapi rasanya jika ketika awal-awal dah ada guru pastinya lebih cepat untuk mencapainya.

**KEDUA**, seseorang usahawan untuk berjaya perlu ada kesabaran dan tabah.

Sebagai usahawan, banyak perkara perlu dilakukan untuk kembangkan lagi bisnes yang memerlukan team yang 'align' dalam misi dan visi sama, pengoperasian yang betul, soal branding dan marketing, pematuhan perundangan, kepimpinan dan lain-lain.

Seperti nak menguruskan team, pastinya ada pelbagai karenah dalam kalangan pasukan anda. Kesabaran diperlukan bagi memupuk mereka dan align dengan culture malah misi bisnes dijalankan itu.

**KETIGA**, dapatkan ilmu keusahawan sebagai bekalan sebelum atau selepas 'terjun' ke dunia perniagaan.

Dengan ilmu, kita akan lebih bersedia mendepani cabaran dan apa jua kemungkinan, serta perlu kreatif mencari penyelesaian kepada apa jua masalah yang timbul," katanya.

**KEEMPAT**, dapatkan mentor.

Jika di sekolah adanya guru untuk mendidik kita, di universiti ada pensyarah dan kenapa pula tidak di dalam dunia bisnes.

Pentingnya mentor ini kerana mereka dapat menegur dan menasihati kita untuk melakukan perkara yang betul.

Kejelasan dalam membuat sesuatu keputusan itu yang mahal dalam bisnes, sebabnya mungkin kita fikir keputusan dibuat itu sudah betul namun sebaliknya pula berlaku.

Mentor dapat memberi pandangan yang betul berdasarkan ilmu dan pengalamannya dalam membimbing ramai usahawan hingga berjaya.🔴

# 10X **BINA BISNES BERJAYA** 2022

## **BANGKIT** *Live Event* **BISNES DARI** **KRISIS**

4-5 Jun 2022

Setia City Convention Centre

Bersama  
**DATUK WIRA  
DR AZIZAN OSMAN**



\* Program Ini Bernilai **RM10,997**  
100% Tajaan Dari RichWorks

**DAFTAR SEKARANG!**  
[www.BinaBisnesBerjaya.com](http://www.BinaBisnesBerjaya.com)

# FENOMENA INFLASI



## APA ITU INFLASI?

TAHUKAH anda, harga roti canai kosong sekarang rata-rata adalah antara RM1.20 dan RM1.90 sekeping? Makanan penghubung antara budaya dan bangsa ini pada zaman kanak-kanak kita hanya dijual pada harga di bawah RM0.50 sekeping!

Fenomena ini dikenali sebagai inflasi, iaitu kenaikan harga yang berlaku pada barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa.

Secara umumnya, inflasi merupakan kenaikan harga yang berlaku bagi barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu.

Kadar inflasi lazimnya diukur melalui pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi perubahan harga item-item di dalam bakul tetap barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa.

## UNJURAN IMF

Menurut unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan Tinjauan Ekonomi Dunia April 2022, unjuran pertumbuhan global telah disemak semula kepada 3.6% pada 2022 dan 2023 iaitu berkurang daripada 6.1% pada 2021.

Unjuran ini adalah 0.8 dan 0.2 mata peratusan lebih rendah daripada unjuran pada bulan Januari 2022.

## **INFLASI TURUT MENJEJASKAN PERANCANGAN PERSARAAN SESEORANG. DENGAN KADAR INFLASI MENINGKAT, SIMPANAN PERSARAAN AKAN BERKURANGAN AKIBAT KEMEROSOTAN NILAI WANG. DALAM ERTI KATA LAIN, JUMLAH KEWANGAN DIPERLUKAN UNTUK MEMBIAYAI KUALITI HIDUP SAMA SELEPAS PERSARAAN AKAN TURUT MENINGKAT.**

Pada masa sama, kos ekonomi berikutan daripada ketidaktentuan tersebut akan menyebabkan peningkatan harga pada tahun 2022.

Sehingga kini, harga bahan api dan makanan global telah meningkat dengan ketara dan lebih memudaratkan kepada kumpulan yang mudah terjejas.

### **PUNCA INFLASI**

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid menjelaskan fenomena ini berlaku apabila ekonomi mula beroperasi selepas ditutup akibat pandemik COVID-19 yang melanda hampir dua tahun.

Permintaan yang meningkat secara mendadak apabila ekonomi dibuka semula adalah punca utama kenaikan kadar inflasi ini.

“Seperti perkara asas ekonomi, apabila

permintaan melebihi bekalan, maka titik tengah atau ‘equilibrium’ akan beralih ke atas yang menandakan kenaikan harga.

“Selain itu, rantaian nilai seperti logistik dan pengangkutan, di samping bekalan bahan mentah dan komponen asas juga akan turut terganggu. Ini semuanya adalah bagi memenuhi permintaan yang naik mendadak.

“Kenaikan harga minyak mentah global juga adalah tindak balas segera kepada pemulihan ekonomi yang pastinya meningkatkan kos pengangkutan,” jelasnya.

Faktor lain yang menyebabkan perkara ini berlaku, antaranya ialah:

1. Gaji pekerja meningkat. Ia akan membuatkan kos pengeluaran meningkat dengan sangat ketara
2. Peningkatan harga import. Jika harga import melebihi harga eksport, maka berlakunya perdagangan negatif, yang juga menyebabkan kos pengeluaran meningkat.
3. Harga barang mentah. Peningkatan terhadap bahan mentah, terutamanya harga minyak menjadikan kos pembuatan menjadi tinggi, meningkatkan kemungkinan berlaku inflasi.
4. Desakan keuntungan. Apabila pengeluar menaikkan harga barang, inflasi mudah berlaku.
5. Kemerosotan produktiviti. Apabila pengeluaran berkurang, kos pembuatan menjadi tinggi.

### **KESAN DAN CARA MENGATASI**

Dari semasa ke semasa, inflasi meningkatkan kos sara hidup dan mengurangkan kuasa beli pengguna. Jika pendapatan seseorang tidak meningkat pada kadar sama atau lebih tinggi

daripada peningkatan inflasi, maka inflasi pasti akan menjejaskan kehidupan mereka dan ekonomi negara.

Justeru, dalam keadaan inflasi berterusan, adalah wajar bagi seseorang itu mempertimbangkan untuk melabur sebahagian wang simpanan supaya mendapat pulangan sekurang-kurangnya sama atau lebih tinggi daripada kadar inflasi.

Inflasi turut menjejaskan perancangan persaraan seseorang. Dengan kadar inflasi meningkat, simpanan persaraan akan berkurangan akibat kemerosotan nilai wang. Dalam erti kata lain, jumlah kewangan diperlukan untuk membiayai kualiti hidup sama selepas persaraan akan turut meningkat.

Sehubungan itu, adalah penting untuk mula menyimpan seawal yang mungkin dan jika diizinkan, simpan wang lebih banyak daripada diperlukan sebagai persediaan menghadapi inflasi sebelum persaraan.

Bon menawarkan pendapatan tetap akan menjadi kurang menarik apabila inflasi meningkat lebih cepat daripada pulangan ke atas aset ini. Maka, dalam keadaan inflasi terus meningkat, adalah wajar untuk seseorang mengambil langkah untuk melindungi diri daripada inflasi.

Antara cara melindungi diri daripada kesan negatif kenaikan inflasi adalah dengan memegang aset yang dianggap pelindung nilai. Aset ini biasanya bergerak bertentangan dengan pasaran atau tidak tertakluk kepada turun naik pasaran mendadak.

Ia berpotensi membantu meminimumkan kerugian jika pasaran mengalami perubahan besar dan tidak menentu seperti kenaikan kadar inflasi. Contoh aset pelindung nilai adalah emas

dan logam berharga lain.

Selain itu, antara cara melawan inflasi adalah dengan melabur di pasaran saham. Kenaikan harga saham syarikat mungkin berlaku sekiranya ia berjaya menyesuaikan operasi kepada kos lebih tinggi dalam rantai bekalan atau proses pengeluaran.

Namun, perlu berhati-hati dalam membeli atau menjual saham semasa tempoh inflasi tinggi kerana pelaburan saham adalah tertakluk kepada turun naik dan perubahan harga mendadak.

Aset seperti hartanah atau amanah pelaburan hartanah juga dianggap antara cara melindungi nilai portfolio pelaburan terhadap inflasi memandangkan ia biasanya mempunyai sedikit korelasi dengan saham dan bon.

Nilai hartanah dan sewa dikenakan akan meningkat apabila inflasi meningkat. Kenaikan pendapatan seiring dengan kenaikan inflasi membantu mengimbangi risiko inflasi.

Justeru, perlu diingatkan tidak ada satu cara sama untuk semua orang melindungi diri daripada kesan kenaikan kadar inflasi. Ia terpulang kepada pengalaman dan tindakan seseorang terhadap kenaikan inflasi sangat bergantung kepada ilmu serta pengalaman mereka.

Maka, berundinglah dengan pakar atau penasihat kewangan berlesen jika perlu. 📌



INTENSIF  
**MAGNET**  
KEKAYAAN &  
KEJAYAAN

SEJAK 2009

# INTENSIF MAGNET KEKAYAAN & KEJAYAAN

*Jalan untuk berjaya*


**Program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan** adalah program 3 hari dan merupakan satu-satunya program bertaraf antarabangsa yang diinspirasi oleh MenThor Usahawan Jutawan #1 Asia Datuk Wira Dr Azizan Osman



**DAFTAR KEJAYAAN ANDA SEKARANG!**

[richworks.com/imkk](http://richworks.com/imkk)

# Eksklusif & Terhad!



## SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang **PROVEN** diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu **BANGKIT** semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.


### **REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan **HADIAH** dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **2,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~  
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~  
**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**





E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™

THE  
TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.